

03/11/2000

Melayu derhaka memalukan bangsa

Azhar Abu Samah

MENGIKUT Kamus Dewan Edisi Ketiga, perkataan `derhaka' membawa makna tidak taat atau khianat, sama ada kepada negara, Tuhan atau orang tua dan lain-lain di samping menentang kekuasaan yang sah.

Mereka yang melakukan perbuatan itu dipanggil penderhaka.

Dalam pemahaman agama Islam pula, derhaka adalah warisan perangai iblis atau syaitan, manakala taat adalah warisan sifat malaikat dan nabi.

Iblis adalah makhluk yang mula-mula derhaka kepada Allah, kemudian ia menghasut Adam dan anak cucunya supaya derhaka kepada Allah sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran, surah al-Baqarah, ayat 33 hingga 37.

Di sinilah dikatakan derhaka bermula di kalangan Nabi Adam dan anak cucunya dan bermula di situlah, sifat derhaka menjadi warisan iblis dan syaitan.

Di alam Melayu, terutama di rantau Nusantara, tindakan derhaka atau menderhaka sering dikaitkan dengan ciri penentangan kepada individu atau sesebuah institusi itu sendiri.

Ketika era feudal, derhaka itu biasanya merujuk kepada penentangan kepada raja dan kesannya, penderhaka akan dibuang negeri atau dihukum bunuh, termasuk sanak-saudaranya sebagaimana yang diceritakan dalam Sejarah Melayu.

Jarang sekali didengar orang Melayu menderhaka pada zaman feudal kecuali satu atau dua kes yang membabitkan kemarahan memuncak, seperti isterinya dilarikan atau dibunuh raja.

Dalam kes Hang Jebat, beliau dikatakan menentang sultan kerana membantah hukuman bunuh ke atas Hang Tuah yang selama ini akur kepada perintah raja.

Jika diselidiki lebih mendalam, orang Melayu jarang menderhaka kerana ia memiliki tiga ciri budaya asasi, iaitu berbahasa Melayu, beragama Islam dan beradat resam Melayu, iaitu halus budi bahasa dan pekerti, sentiasa bermuafakat, hormat dan khidmat kepada tetamu, sentiasa di pertengahan dan tidak agresif.

Ciri itu menjadikan watak mereka (Melayu) amat sesuai dengan usaha dakwah Islamiah secara lembut, aman dan penuh hikmah.

Malah, ada yang mengatakan orang Melayu ditakdirkan Allah sebagai penganut agama Islam yang dijanjikan kejayaan muktamad asalkan mereka memenuhi syarat untuk mendapatkan pertolongan Ilahi.

Ini kerana Melayu memahami hakikat alamnya (pandangan semesta), ilmunya (epistemologi) dan nilainya (etika/aksiologi), selain kesebatian ketiga-tiga unsur berkenaan yang berpaksikan tauhid.

Justeru, apabila ada orang Melayu derhaka, ia akan kelihatan seperti ketiga-tiga unsur hakikat yang ada padanya sudah terjejas dan rosak akibat pengaruh asing serta nafsu marah, kecelaruan dalam ilmu, nilai, tingkah laku, akhlak dan moral.

Dalam kes Ketua Pergerakan Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohamed Ezam Mohd Noor, yang memburukkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan pemimpin lain di luar negara serta ke Amerika Syarikat dan Eropah untuk mendapatkan bantuan supaya tekanan ekonomi dikenakan terhadap Malaysia, tindakan beliau itu dilihat sebagai penderhakaan terhadap negaranya.

Ramai pemimpin negara menyifatkan tindakan itu sebagai tidak wajar kerana ia mencemarkan imej pemimpin dan negara serta cuba merosakkan Malaysia dengan bantuan asing.

Ia diakui sendiri Mohamed Ezam ketika berucap di Alor Star baru-baru ini

sebagaimana beliau dipetik sebagai berkata: "Memang benar, kerja saya di Amerika Syarikat dan Eropah baru-baru ini ialah untuk menyatakan keburukan Perdana Menteri Malaysia."

Berdasarkan pengakuan itu, Dr Mahathir ketika diminta mengulas mengenainya, berkata beliau amat malu kerana wujud golongan semacam itu di kalangan orang Melayu yang mahu negara sendiri dan rakyat diletakkan di bawah kuasa asing.

Hakikatnya, kata Perdana Menteri, rakyat Malaysia tidak ingin dijajah lagi, mahu membangunkan negara dan tiada sesiapa pun yang boleh menghalangnya.

Malah, Perdana Menteri menyarankan kepada golongan yang cuba merosakkan Malaysia dengan bantuan asing, supaya meninggalkan negara ini sekiranya menganggap mereka lebih bebas jika menjadi warganegara asing, terutama tindakan mereka itu disanjung di negara terbabit.

Persoalan yang sering bermain di minda ialah apakah seseorang itu boleh menderhaka atau menentang pemerintah?

Imam Nawawi dalam kitabnya `Riadus Salihin' dan beberapa hadis lain ada menyentuh soal itu.

Antaranya, riwayat yang dibawa oleh Ibnu Umar bahawa Nabi Muhammad bersabda: "Wajib setiap Muslim mendengar dengan patuh dan taat, baik ia suka atau benci, melainkan jika ia diperintah untuk melakukan maksiat. Maka apabila diperintah melakukan maksiat, tidak boleh dia mendengar dan mematuhi."

Hadis disepakati (Muttafaqalah) Ibnu Umar juga menyebut beliau pernah mendengar Rasulullah bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang menarik ketaatannya daripada pemerintah, maka ia akan menemui Allah pada hari kiamat tanpa apa-apa hujah. Dan sesiapa yang mati, sedangkan di lehernya tiada baih ketaatan, maka matinya seperti orang Jahiliah." (hadis riwayat Muslim)

Dengan menolak sikap buruk seperti derhaka ini, orang Melayu sebagaimana sering disebut pengkaji budaya, mempunyai tiga kekuatan asasi yang boleh membantunya muncul dan menjadi penyambung serta penyumbang kepada pembentukan tamadun dunia pada alaf ketiga.

Antaranya, Profesor di Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Dr Hashim Musa, baru-baru ini berkata dalam satu seminar, budaya Melayu begitu dinamik sehingga mampu mengadaptasi unsur budaya asing yang positif demi pembangunan dan pengukuhanannya.

Sayangnya, sejak kebelakangan ini muncul budaya negatif Melayu yang tidak seharusnya berlaku jika penghayatan sebenar ke atas tiga kekuatan asasi itu diterap dan diamalkan dalam kehidupan harian orang Melayu.

Tidak mungkin timbul budaya menderhaka ke atas pemimpin, tuduh-menuduh, keji-mengeji atau caci-mencaci seperti yang berlaku ketika sesi pembentangan Belanjawan 2001 di Dewan Rakyat oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, baru-baru ini.

Malah, lebih menghairankan, apabila pemimpin Melayu sama sendiri mahu berdialog secara terbuka dalam soal membabitkan kepentingan bangsa sendiri, sedangkan isu itu ditimbulkan pihak ketiga yang mencuba `menjolak sarang tebusan'.

Ibarat kata pepatah - menang jadi abu, kalah jadi arang.

(END)